

Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Muharram / Safar 1442 — September / Oktober 2020

BIL: 26 / 2020



Kerana Ilmu, Anda dimuliakan

Cerpen: Seteguh
Keringat
Kemerdekaan

Aktiviti ACISN9:
Bengkel Classcraft
Application

Kisah Tauladan 1: Tidak Mendapat Ikan
Tetapi Mendapat Syurga

Impak Pemerkasaan Dasar
Industri Kreatif Negara
Kepada Ekonomi Negara

Potensi Aplikasi
Blockchain Dalam
Pengurusan Zakat

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Nadiah Hj. Mohd Zin
Siti Nur Husna Binti Abd Rahman
Nuruul Hidayah Mansor
Mohamad Shafie Ayub
Nur Syahirah Binti Mohd Noh
Nurul Atikah Binti Poniran
Athira Ayuni Binti Asmadi
Hajah Makiah Tussaripah Binti Jamil

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
bulletin.acis.n9@gmail.com
muallim@uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri ketigapuluhan satu atau siri keduapuluhan enam yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah **"Kerana Ilmu, Anda Dimuliakan"**. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Kerana Ilmu, Anda Dimuliakan (3)
- ⇒ Cerpen: Seteguh Keringat Kemerdekaan (8)
- ⇒ Impak Pemerksaan Dasar Industri Kreatif Negara Kepada Ekonomi Negara (17)
- ⇒ Aktiviti ACISN9: Bengkel Classcraft Application (20)
- ⇒ Potensi Aplikasi Blockchain Dalam Pengurusan Zakat (22)
- ⇒ Kisah Tauladan 1: Tidak Mendapat Ikan Tetapi Mendapat Syurga (24)

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

KERANA ILMU, ANDA DI MULIAKAN

Oleh : Nadiah Hj Mohd Zin
(Pensyarah ACIS,UiTM Kampus Kuala Pilah)



Islam amat menghargai ilmu. Tambahan pula, menuntut ilmu merupakan satu kewajipan bagi setiap umat Islam. Sebagaimana yang di sabdakan oleh Nabi SAW yang bermaksud "*Menuntut ilmu adalah satu kewajipan ke atas setiap Muslim*" Riwayat Ibnu Majah (224)

Dengan ilmu itulah manusia akan menerima sangat banyak kebaikan serta manfaat bahkan ia merupakan alat pengukur dalam kehidupan manusia bagi menentukan sama ada perkara tersebut adalah hak ataupun batil. Misalnya, ketika kita temuduga pekerjaan, latar

belakang pendidikan merupakan diantara kelayakan utama yang akan disemak oleh majikan sebelum kita diterima untuk bekerja.

Firman Allah SWT,yang memberikan jaminan kepada orang yang berilmu dimana diangkatkan darjatnya di antara yang lain dalam surah al- Mujadalah ayat 11 yang bermaksud "*Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun*

maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan"


Proses penyampaian ilmu merupakan tugas sinonim bagi seorang guru. Bahkan dalam menuntut ilmu, kita sebagai penuntut disarankan untuk berguru kerana ia merupakan jalan dan perantaraan yang paling terbaik untuk memperolehnya bukan daripada buku-buku semata dan media elektronik. Para ulama' juga pernah menyebut, "Antara kebodohan yang terbesar, adalah menjadikan helaian-helaian sebagai syeikh".

Perlu diingat, buku dan media elektronik adalah alat sahaja untuk kita menimba ilmu. Tetapi, untuk kita menggunakan alat tersebut, perlu kepada yang pakar untuk menunjuk caranya yang sebenar. Guru? Siapakah mereka? Guru merupakan pendidik yang bertanggung jawab dalam memikul tugas mulia dan sentiasa diyakini sebagai orang yang memiliki ketinggian ilmu, akhlak dan juga tingkah laku.

Kadang-kadang pernah juga kita terdengar kata-kata guru kita seperti "saya tak halalkan ilmu saya". Kata-kata ini kerap kali kita terdengar seandainya berlaku perkara yang menguris hati guru tersebut. Sehingga, kita menjadi takut andai tergurisnya hati guru, kerana dibimbangi segala ilmu dan didikan guru tidak dapat kita fahami. Walaupun begitu, tidak diketemukan sebarang perbincangan yang

khusus dikalangan ulama' yang membincangkan konsep "tidak menghalalkan ilmu atau meminta ilmu untuk dihalalkan".

Ia adalah satu cara bagi seorang guru yang menggunakan kata-kata "tidak menghalalkan ilmu" kepada penuntut ilmu, atas alasan melakukan kesalahan, dan ia merupakan satu terma atau cara ugutan bagi seorang guru terhadap pelajarnya supaya berada dalam menuntut ilmu. Begitu juga, konsep bagi pelajar yang meminta untuk menghalalkan ilmu. Kata-kata tersebut membawa erti tersirat yang menjelaskan ia sebagai satu cara memuliakan guru. Seandainya, ada guru yang menyebut sedemikian di hadapan pelajarnya, maka hal tersebut tidaklah membawa kepada dosa jika diamalkan ilmu yang disampaikan olehnya.



Di dalam *Jamik al-Husul fi al-Hadith al-Rasul*, ada menceritakan tentang Imam Nasa'i dimana berlaku perselisihan ilmu diantara Imam Nasa'i dengan gurunya sehingga beliau dihalau dari tempat talaqqi oleh gurunya. Tetapi beliau tetap hadir untuk bertalaqqi walaupun bersembunyi di satu sudut untuk mendengar apa yang diajar oleh gurunya tanpa melihat. Seandainya berlaku perkara sebegini kepada kita,

adakah kita akan turut akur dan sembunyi-kan diri kita semata untuk kita dengar ilmu dari guru yang menghalau kita? Jawapannya hanya ada pada diri kita sendiri.


Prinsip beradab dihadapan guru adalah amat penting bagi seorang penuntut ilmu. Lihat bagaimana Ulama' terdahulu ketika menuntut ilmu, mereka akan mempelajari adab terlebih dahulu sebelum mempelajari ilmu tersebut. Imam Al-Ghazali antara ulama' hebat yang amat mementingkan adab dalam menuntut ilmu. Beliau telah mengkhususkan satu bab di dalam kitabnya, *Ihya' Ulum al-Din* khusus untuk mempelajari adab bersama guru.

Di dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din*, Imam al-Ghazali ada menceritakan tentang adab dan akhlak mulia Imam Ahmad bin Hanbal RA terhadap gurunya iaitu Imam Al-Syafi'e. Diriwayatkan juga, bahwasanya Imam Ahmad bin Hanbal RA mengatakan: "Tidaklah aku solat semenjak 40 tahun melainkan di dalam solatku, aku mendoakan untuk al-Imam Al-Syafi'e semoga Allah SWT merahmatinya".

Melalui adab yang dijaga, akan terserlah kesungguhan dan usaha dalam menuntut ilmu kerana kedua-duanya tidak dapat dipisahkan seperti yang diungkapkan oleh Imam Malik Rahimahullah: "Pelajarilah adab sebelum mempelajari suatu ilmu." Seperti yang telah dilakukan oleh Syeikh Abdullah bin Mubarak "Aku mempelajari adab menuntut ilmu selama 30 tahun, kemudian barulah aku mempelajari ilmu".

ADAB-ADAB PELAJAR TERHADAP GURU

Sifat pertama yang perlu ada pada setiap pelajar di dalam menunaikan hak terhadap guru ialah menghormati guru. Guru wajib dihormati kerana kedudukannya yang menyampaikan ilmu kepada pelajar. Pelajar juga wajib menghormati guru kerana kedudukan pelajar yang menerima ilmu darinya. Daripada Abu Hurairah bahwasanya Rasulullah SAW pernah bersabda; "*Pelajarilah ilmu, pelajarilah ilmu dengan tenang, sopan dan rendahkanlah dirimu terhadap orang yang kamu ambil ilmunya*" (*Riwayat Ath-Thabrani*)



Dr.Abdullah Nasih Ulwan membuat beberapa kesimpulan akan adab-adab pelajar terhadap gurunya mengikut pesanan daripada Sayyidina Ali RA iaitu;

1. Seorang pelajar hendaklah merendahkan dirinya di depan guru, jangan keluar daripada pendapat dan arahannya. Merendahkan diri terhadap guru adalah satu kemuliaan dan ketinggian. Imam Ghazali ada

menyatakan : “Ilmu itu hanya akan diperolehi dengan merendahkan diri dan memperhatikannya...”



2. Seorang pelajar hendaklah memandang gurunya dengan kemuliaan dan meyakini bahawa gurunya memiliki darjat yang tinggi. Imam Syafii ada menyatakan: “Pernah aku menye mak (membuka) lembaran kertas di depan Imam Malik dengan lembut kerana kewibawaannya, agar dia tidak mendengar bunyi bising darinya”. Ar-Rabi’ berkata: “Demi Allah, aku tidak berani meminum air sedangkan As-Syafi’i melihatku kerana rasa hormat kepadanya ”Pelajar-pelajar juga hendaklah dilatih supaya tidak memanggil gurunya dengan kata-kata “kamu”, tetapi dengan mengatakan “wahai guruku atau wahai ustazku”, kerana kata-kata panggilan yang baik merupakan pengikat rasa kasih sayang antara murid dan gurunya.
3. Hendaklah pelajar mengetahui hak-hak terhadap gurunya dan tidak melupakan jasa gurunya sehingga ke akhir hayat. Syu’bah berkata: “Apabila aku mendengar hadis Rasulullah SAW daripada seseorang (guru), selama itulah aku menghormatinya.” Sebaiknya seorang pelajar mendoakan kesejahteraan gurunya sepanjang

hayat. Jika guru itu sudah wafat / meninggal dunia hendaklah diambil berat hal ehwal keturunan dan orang-orang yang mencintainya.

4. Jika guru menegur atau marah, maka hendaklah murid bersikap sabar. Hendaklah pelajar menganggap bahawa kemarahan guru adalah sebagai tanda kasih sayang guru terhadap pelajarnya. Para guru sebenarnya ingin memperbaiki kelemahan pelajarnya. Dengan sikap sedemikian, akan lahirlah rasa sayang para pelajar terhadap guru dan bermafaatlah segala ilmunya bagi pelajar dalam urusan agama, dunia dan akhirat. Sebahagian ahli salaf berkata: “Barang siapa tidak sabar dalam belajar, maka dia akan buta huruf selama hidupnya. Dan barang siapa bersabar di dalamnya, dia akan mendapat kemuliaan dunia dan akhirat.”
5. Hendaklah pelajar duduk di hadapan gurunya dengan sopan, tenang, merendahkan diri dan hormat sambil mendengar dan memberi sepenuh perhatian kepada gurunya. Seorang pelajar juga haruslah menghindarkan segala perbuatan yang tidak sopan terhadap gurunya.
6. Janganlah pelajar berjumpa gurunya di kelas, rumah atau tempat khusus sebelum mendapat izin daripadanya. Sebaiknya seorang pelajar menghadap gurunya dalam keadaan sempurna, dengan badan dan pakaian yang bersih, terutama jika dia hendak ke majlis ilmu (kelas). Kerana majlis ilmu adalah majlis zikir, pertemuan dan ibadah.
7. Apabila seorang pelajar mendengar

gurunya menyebut sesuatu tentang ilmu, hendaklah dia mendengar dengan penuh perhatian seakan-akan dia belum pernah mendengarnya sama sekali.

Dr. Abdullah Nasih Ulwan ada mengatakan bahwasanya memenuhi hak terhadap guru adalah wajib, lebih-lebih lagi jika guru tersebut adalah dikalangan mereka yang bertaqwa dan beriman kepada Allah SWT. Itulah adab-adab terpenting yang harus diamalkan oleh para pelajar dalam rangka untuk menjadi pelajar yang benar-benar berilmu, beradab dan bertaqwa kepada Allah

Tawadu'lah terhadap orang yang mengajarkan ilmu kerana mereka diibaratkan sebagai pahlawan. Dr. Hamka pernah menyatakan; guru adalah pahlawan yang sejati. Bukankah pahlawan tanah air, negarawan, pengarang, ahli pidato, orang penting atau berjawatan tinggi, dulunya pernah belajar di bangku sekolah dari serendah-rendahnya hingga setinggi-tingginya? Maka hargai insan yang bernama guru, kerana dia kamu dimuliakan.


WallahuA'lam.

CARA MENGENANG JASA GURU

- Mendoakan kebaikan dan kebajikannya
- Mengeratkan silaturahim walaupun telah tamat pengajian
- Menziarahi guru ketika berkelapan gan / di hari perayaan
- Menghormati guru sepanjang masa
- Mengucap terima kasih kepada guru apabila memperolehi kejayaan
- Bertegur sapa dan memberi salam apabila berjumpa

**MENUNTUT ILMU ADALAH TAQWA.
MENYAMPAIKAN ILMU ADALAH IBADAH.
MENGULANG ILMU ADALAH ZIKIR.
MENCARI ILMU ADALAH JIHAD.**

-Imam Al-Ghazali-



Cerpen

Seteguh Keringat

Kemerdekaan

Oleh : Siti Nur Husna Binti Abd Rahman
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



"Malaysia akan menjadi sebuah negara yang demokrasi yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kepada kebebasan dan keadilan dan mengekalkan keamanan diantara segalagala bangsa. Kuala Lumpur 31 haribulan ogos tarikh kemerdekaan.... Merdeka... Merdeka... Merdeka.... Merdeka.... Merdeka... Merdeka... Merdeka... Merdeka... masih teringat lagi kata-kata keramat yang diaungkan oleh Almarhum Yang Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

sebanyak 7 kali dan di waktu itu jugalah buat pertama kali lagu negaraku dilaungkan serta azan bagi menandakan kemerdekaan. Pak Malik tidak lupa sewaktu bendera Malayan Union di turunkan dan waktu itu pak malik beumur 12 tahun. Pak malik tidak dapat mengambarkan bagaimana sengsaranya sewaktu Jepun memerintah Tanah Melayu. Dikala kesayuan malam yang sunyi, terdengar unggas bersahut-sahutan. Pak Malik termenung di beranda

sambil mengulung rokok dengan leka dan terkenang kisah lama lalu di datangi mak kiah membawa secawan kopi sambil memerhati pak malik yang sedang asyik mengulung rokoknya.

"Abang aji, ini kopinya."

"Terima kasih, kiah"

"Apa yang abang menungkan tadi?.." Tanya Mak Kiah pada suaminya.

"Tak ada yang difikirkan, Cuma terkenangkan masa dulu sebelum merdeka. Keadaan dulu berbeza

sekali, sekarang semua dah berubah."

"Abang aji, Malaysia sekarangkan dah 54 tahun merdeka dan zaman sekarang dah pesat membangun, kalau difikirkan kembali keadaan zaman dulu memang susah.

" Memang Kiah, keadaan dulu banyak kepayahan, penderitaan dan kesengsaraan dalam menegakkan kemerdekaan." Balas Pak Malik sambil menghirup kopi tadi. Mak kiah memandang pak malik sambil memandang ke langit menikmati kedinginan malam.

Selesai solat subuh dan berzikir, Pak malik singgah sebentar di kedai pak Ieman untuk membeli kuih kegemaran mak kiah. Setelah sampai dirumah Pak malik terus menuju ke dapur dan mak kiah sedang asyik menyiapkan sarapan pagi tapi agak berlainan sekali hari ini.

"Assalamualaikaum, Kiah. Banyaknya awak masak hari nie."

"Waalaikumusalam, Abang aji. Mana ada macam biasa je. Abang aji tak ingat ke, hari nie kan si Haikal nak

balik. Pagi tadi dia ada telefon mengatakan dia dalam perjalanan. Tu yang saya siapkan makanan kegemaran Haikal dan cucu kita nie." Terang Mak kiah pada Pak Malik.

"Oh ye ke, lupa pulak saya. Sejak akhir-akhir nie, saya asyik terlupa pulak. Pukul berapa diaorang sampai.? " Tanya Pak malik kepada isterinya yang sedang asyik menyediakan makanan.

"Kalau tak silap saya dalam pukul 11.00 pagi sampailah. Minumlah dulu Abang aji." Terang Mak kiah pada Pak Malik. Pak malik mengangguk sambil menghirup kopi yang di hidangkan oleh Mak kiah. Pak Malik menuju ke depan sambil duduk di beranda melihat keadaan sekeliling yang maju berlainan dengan dulu dimana tiada apa kemudahan yang cukup. Sekarang semuanya ada, Jalan Bertar, Pondok Telefon, Klinik Desa, Balai Raya, Elektik dan sebagainya. Kalau dulu pakai pelita minyak tanah sekarang dah ada tenaga elektrik, sekolah sekarang dan maju dan pelbagai lagi kemudahan yang di sediakan. Dalam Pak Malik berkhayal sebentar dia di kejutkan

dengan hon kereta, rupanya anaknya dan cucu telah sampai. Lalu Pak Malik memanggil Mak kiah di dapur.

"Kiah, Haikal dah sampai nie." Jerit Pak Malik.

"Dah sampai ke? Cepatnya sekarang baru pukul 10.30." Kata Mak Kiah sambil berjalan menuju ke ruang tamu. Ahmad Danial meluru keluar dari kereta menuju tangga mendapatkan datuk dan neneknya yang tersenyum dengan kehadirannya. Danial suka balik kerana datuknya akan bercerita tentang kisah-kisah dulu, tentang para nabi, dan juga perjuang malaysia. Datuknya selalu menasihat supaya kita tidak lupa di mana asal usul kita, tak ada dulu tiada sekarang dan kita kena mengingati antara satu sama lain serta menghoromi sesama insan walau-pun berlainan agama.

"Danial, cucu atuk sihat tak?"

"Danial sihat atuk. Atuk nanti jangan lupa ceritakan tentang kemerdekaan kat danial ya, sebab dekat sekolah cikgu ada kata tentang perjuang kemerdekaan dalam menegakkan kemerdekaan di Malaysia." Terang Danial

kepada datuknya.

“Ooooo, ye ke. Lagi apa yang cikgu Danial cerita tentang pejuang kemerdekaan?”

“Banyak atuk, tentang askar jepun menawan tanah melayu, tentang perjuangan Almarhum Yang Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menegakkan kemerdekaan di tanah melayu dan di gelar ‘Bapa Kemerdekaan’. Atuk boleh tak cerita tentang ‘Bapa Kemerdekaaan’ dan detik-detik untuk mendapat kemerdekaan?”. Tanya Danial pada atuknya. Pak Malik bersyukur kerana ada juga generasi muda yang berminat dan tahu apa itu erti kemerdekaan. Pak Malik masih ingat lagi ketika dia berjalan pulang dari surau dan terlihat sekumpulan anak muda berkumpul sambil menyanyi, bersuka ria. Adakah anak muda ini mengerti apa itu kemerdekaan, apa itu keperitan hidup yang di hadapi sebelum kemerdekaan. Anak muda zaman sekarang tidak pernah mengalami keperitan hidup , mereka sekarang hidup dengan kemewahan pembangunan yang pesat dengan budaya yang terkini, tiba-tiba lamuna pak malik terhenti

kerana di kejutkan oleh cucunya.

“Atuk.....atuk..... kenapa nie?.”

“Atuk tak ada apa-apa. Tak apalah nanti lepas makan atuk cerita ya. Tentang Bapa Kemenrdekaan dan juga detik-detik kemerdekaan.” Balas Pak Malik pada cucu kesayangannya.

“Ok atuk, jangan lupa tau.”

Ahmad Danial berlari ke rumah sambil mendapatkan neneknya yang sedang menunggu di tangga. Pak Malik melihat gelagat cucunya itu. Ahmad Danial adalah penyeri dalam kehidupan pak malik dan Mak kiah. Kalau Ahmad Danial tidak balik mereka menjadi sunyi kerana kerenah danial dapat menghidupkan cahaya kebahagiaan.

Setelah selesai menjamu makannan tengahari, Pak malik menuju ke pangkin rumahnya sambil menghisap rokoknya lalu cucunya datang pangkuannya.

“Atuk kata nak ceritakan pasal ‘Bapa Kemerdekaan’ dan detik-detik kemerdekaan?.”

“Baiklah, atuk akan cerita



semuanya. Mula-mula atuk akan ceritakan tentang salahsiah Bapa kemerdekaan kita iaitu Almarhum Yang Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Baginda dilahirkan pada 8 Februari 1903 di sebuah istana kayu tiga tingkat di Alor Setar yang dikenali sebagai Istana Pelamin. Sewaktu kecil dulu baginda dikenali sebagai awang kerana keadaan fizikal baginda berbeza daripada saudara-maranya. Dan baginda juga sentiasa bergelumang lumpur, kotor dan berkulit gelap.” Cerita Pak Malik kepada cucunya.

“Ooooo, macam tu ya atuk. Kenapa baginda suka bergelumang dengan kotor atuk. Nanti mak dia tak marah ke?..”

“Danial baginda dulu lain kerana Ibu baginda dari orang kebanyakan.”

“Orang kebanyakan apa atuk?”.



“Orang kebanyakan ialah orang yang bukan berketurunan raja.” Terang Pak Malik pada cucunya.
“Ooooo, lepas tu atuk?.”

“Sebagai anak raja, baginda telah membesar sebagai anak manja dan penuh kemewahan dan baginda juga diasuh oleh seorang pengasuh khas iaitu wanita siam pilihan ibu baginda. Baginda dulu maasa kecil selalu saja sakit sehingga badannya lemah. Baginda bersekolah pada usia yang agak muda, baginda telah di dedahkan dengan pendidikan bahasa melayu semasa baginda berumur 4 tahun lagi. Setahu selepas itu, baginda telah dihantar pula ke Goverment English School Kedah sekarang dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid. Pada tahun 1913,

Tunku telah dihantar ke Bangkok untuk menetap bersama-sama Tunku Yusuf, yang merupakan anak angkat Raja Chulalongkorn. Kemudian Tunku belajar di Sekolah Debsirindir, Bangkok. Cara hidup dan makanan juga tidak menimbulkan sebarang masalah kepada Tunku. Tunku memasuki Sekolah Melayu di Jalan Bahru, Alor Setar, setelah tamat Darjah 4, beliau memasuki Penang Free School, Pulau Pinang.” Terang Pak Malik pada cucunya.

“Oooo, macam tu. Banyak betul Tunku merantau ya atuk, mesti banyak pengalaman ya.” Kata Danial pada atuknya.

“Sudahlah atuknya, nanti sambunglah balik cerita tu. Danial pergi mandi dah

petang ni. Lepas tu jgn lupa solat tau.” Kata Mak kiah pada cucunya.

“Alah nek, danial nak dengar atuk cerita tentang Bapa Kemerdekaan.” Kata Danial pada neneknya sambil berjalan menuju pada Pak malik.

“Danial pergi mandi dulu, lepas nie atuk cerita tentang perjalanan hidup Tunku Abdul Rahman dan juga detik-detik kemerdekaan ya.” Kata Pak Malik pada cucunya lalu mencium pipi cucunya itu.

“Mmmmmmm, baiklah atuk. Lepas ni atuk jangan lupa tau. Danial nak tahu kesungguhan Tunku dalam menegakkan kemerdekaan. Atuk, nenek danial masuk dulu ya.” Pinta danial pada atuk dan neneknya. Pak Malik memandang cucunya

berjalan menuju ke bilik sambil di perhatikan oleh Mak Kiah lalu berlalu menuju ke dapur. Mak Kiah tahu apa yang tersirat di hati suaminya itu. Mak Kiah kagum dengan semangat suaminya tentang kemerdekaan malah cucunya danial mengikut jejak suaminya. Mak kiah berharap agar cucu-cucunya yang lain akan mengerti apa itu kemerdekaan.. Pak malik berfikir sejenak, kenapa tiada cucu yang lain tidak seperti danial yang ingin tahu tentang kemerdekaan. Pak Malik kagum dengan minat yang ada pada danial. Walaupun dalam usia yang muda, danial masih mahu tahu tentang kemerdekaan dan kesungguhan pejuang kemerdekaan.

Di keheningan malam, sedang Mak Kiah menunggu kepulangan suaminya dia di kejutkan oleh Haikal lalu bertanya

“Mak tengah buat apa tu?. Dari tadi Kal tengok mak asyik pandang luar je.” Tanya haikal sambil duduk sebelah maknya.

“Oooooo, kamu Haikal. Tak ada buat apa-apa. Mak tengah tunggu ayah kamu.

Lambat pulak dia balik hari ni.” Terang Mak Kiah sambil menuang kopi untuk anaknya.

“Oooooo, ingatkan apa tadi.” Balas Haikal sambil menghirup kopi yang dihidangkan oleh ibunya. Sedang enak mereka menikmati kopi lalu di datangi oleh lembaga yang datang dari hujung pokok sena. Makin lama, makin dekat lembaga itu menghampiri rupa-rupanya Pak Malik balik dari surau.

“Lambatnya, Abang balik hari ni.?”

“Ada kenduri sikit kat surau tadi. ”

“Danial dah tidur ke Haikal ?”.

“Belum lagi ayah, dia kata nak tunggu ayah balik, nak dengar cerita.”

“Oooo, ye ke. Anak kamu tu, suka sangat nak tahu tentang Tunku Abdul Rahman.” Kata Pak Malik pada anaknya sambil duduk di sebelah isterinya lalu menghirup kopi yang dihidangkan oleh Mak Kiah.

“Eh, atuk dah balik. Danial nak dengar cerita yang atuk kata petang tadi.”

“Ok, lepas ni atuk cerita ya.” Kata Pak Malik sambil menghirup saki baki minumannya lalu terus

menghampiri cucunya dan menuju ke depan.

“Atuk apa jadi nya Tunku Abdul Rahman lepas tu?” Tanya Danial pada atuknya.

“Ok, lepas itu Tunku Abdul Rahman melanjutkan pelajarannya ke England dan Tunku berjaya memasuki Universiti Cambridge dan di sana beliau tidak dilayan sebagai anak raja kerana dikatakan Tunku berkulit gelap. Tunku Abdul Rahman pulang ke Kedah pada bulan April 1931 dan terus diterima bekerja sebagai Pegawai Latihan di Pejabat Penasihat Undang-Undang Kedah. Kemudian Beliau dihantar ke Kulim sebagai Penolong Pegawai Jajahan pada tahun 1931. Setahun kemudian beliau dipindahkan ke Kuala Nerang sebagai Pegawai Jajahan.” Terang pak Malik pada cucunya.

“Oooooo, jauh jugak ya atuk Tunku belajar. Kalau macam tu kan, Danial nak belajar pandai lepas tu dapat pergi belajar jauh. Betul tak atuk? ”.

“Betul tu cu, kalau belajar kuat nanti boleh belajar tempat yang sama dengan Tunku tau.”

“Danial akan belajar kuat-kuat atuk.”

“Macam ini lah cucu atuk. “ Kata Pak Mail sambil memeluk cucunya.

“Atuk lepas tu apa jadi tuk?”

“Pada bulan September 1945, British datang semula ke Tanah Melayu dan meredakan banyak pihak kerana Jepun menjalankan Dasar bencikan Barat. Tunku tidak menentang pihak British malah Tunku dan kawan-kawanya telah menjemput Mejai Hessler Ketua Pasukan 136 ke Alor Setar dan pada bulan Januari 1946 pengisytiharan Malayan Union oleh Parlimen British telah mengemparkan Tanah Melayu . Tunku Abdul Rahman telah menjadi Ahli Seberkas (Syarikat Bekerjasama Kebajikan Am Sayoburi).” Terang Pak Malik pada cucunya.

“Ooooo, macam tu. Lepas tu apa terjadi atuk?.”

“Negeri Kedah adalah negeri yang paling kuat menentang Malayan Union, kerana tidak bersetuju dengan cadangan menjadikan negeri-negeri melayu sebagai jajahan takluk kerajaan British dengan Raja Melayu akan kehilangan kuasa.”

“Atuk teruknya orang British ya. Lepas tu atuk?.”

“Penentangan orang Melayu Kedah terdiri daripada golongan rakyat bawah, golongan intelek dan Sultan Kedah sendiri dan telah melakukan demonstrasi secara besar-besaran sebanyak tiga kali menunjukkan batahan pada Malayan Union. Selepas itu pihak British tetap melaksanakan Malayan Union dan telah menyebabkan orang Melayu mengadakan Kongres Kebangsaan Melayu di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946. Selepas itu Tunku Abdul Rahman membawa diri ke England lalu berkata pada isteri beliau yang dia tidak akan pulang sekiranya beliau gagal juga kali ini.”

“Kenapa atuk?”

“Tunku sebenar melanjutkan pelajaran dalam bidang Undang-undang. Tunku mempunyai sikap politik yang radikal iaitu dengan menyokong kemerdekaan negara-negara yang menjadi tanah jajahan takluk kerajaan British seperti India dan Ceylon (Sri Lanka). Tunku dan Abdul Razak kerap kali mengikuti ceramah yang dianjurkan oleh Parti buruh. Tunku dan kawan-kawanya menyedari

tentang masalah kemiskinan, kemunduran dan kedudukan politik orang melayu oleh itu satu formula telah dirangka oleh Tunku dan Abdul Razak bagi mengatasi masalah perkauman.” Terang Pak Mail pada cucunya.

“Atuk teruk sangat ke?.”

“Taklah teruk sangat. Selepas itu Tunku Abdul Rahman pulang Ke tanah Melayu setelah mendapat Ijazah Undang-undang. Beberapa bulan kemudian Tunku bekerja di Kuala Lumpur sebagai Timbalan Pendakwa raya di Pejabat Peguam Negara. Tunku Abdul Rahman menyahut cabaran dan dalam persidangan Agung UMNO yang diadakan di Arau, Perlis pada 29 Mei 1949 Tunku telah menjadi wakil UMNO di Kuala Lumpur.”

“Abang aji, sudahlah tu. Dah jauh malam ni. Besok jelah sambung, kesian si danial tu.” Kata Mak Kiah pada suaminya yang sedang memangku cucunya.

“Danial, besok atuk sambung ya. Dah malam nie.”

“Baiklah atuk. Danial masuk dulu ya. Selamat Malam Atuk, Neneh.

Assalamualaikum.” Kata Danial sambil mencium kedua-dua tangan atuk dan ne-neknya.

“Walaikumusalam, Selamat malam.”

“Abang aji, marilah masuk tidur dah jauh malam nie.

“Yelah Kiah, awak masuk dulu. Kejap lagi saya masuk, saya nak ambil angin kejap.”

“Abang aji, jangan lama-lama duduk kat luar tu. Nanti semput lak awk tu.” Terang Mak Kiah pada suaminya lalu Pak Malik tersenyum melihat isterinya.

Hembusan angin pagi dan ayam berkoko memecah kesunyian pagi. Pak Malik bersiap sedia untuk ke kebun lalu mengayuh basikal tiba-tiba Pak Malik terdengar namanya di panggil.

“Atuk.... atuk.... atuk nak pergi kebun ke?.”

“Ya, atuk nak ke kebun nie. Kenapa, Danial nak ikut ke?.”

“Atuk, boleh ke Danial ikut?.”

“Kalau nak ikut kena tanya dulu abah dengan mak dulu.”

“Danial dah tanya dengan abah , abah kasi atuk.”

“Kalau macam tu, cepat lah. Nanti lambat pulak sampai, naik cepat duduk baik-baik tau. Nanti jatuh pulak.”

“Atuk, boleh tak atuk ceritakan bagaimana kita mendapat kemerdekaan?. Atuk betul ke banyak kesusahan untuk mendapat kemerdekaan?.”

“Memang cu, nak mendapat kemerdekaan memang susah. Banyak pengorbanan dan kepayahan.”

“Teruk sangat ke atuk?.”

“Taklah teruk sangat. Tunku terpaksa ulang alik ke London untuk mendapatkan kemerdekaan.”

“Ye ke atuk. Kesian ye. Susah jugak ya nak mendapat kemerdekaan.”

“Memang susah cu, Tunku Abdul Rahman pertama kali membuat pertemuan dengan Donald Macgilivray pada hari ahad, 31 Julai 1955 dan juga Pesuruhjaya British.”

“Untuk apa Tunku berjumpa dengan pesuruhjaya itu atuk?.”

“Berbincang tentang meminta kuasa pemerintahan daripada kerajaan British.”

“Lepas tu, apa jadi atuk?.”

“Lepas tu, Tunku telah berbincang selama 2 jam bersama dengan Pesuruh-

jaya British namun pembincangan itu gagal dan Tunku juga gagal membincangkan kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi serta pelantikan Suruhanjaya Bebas untuk mendraf Perlembagaan. Tunku dan kabinetnya telah membuat satu memorandum dan telah disampaikan kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan yang datan melawat ke Kuala Lumpur pada 19 Ogos 1955. Pada 22 Ogos 1955 tunku telah menyerahkan rancangan berkerajaan sendiri pada A. Lennox Boyd. Banyak ketegangan berlaku semasa proses mencari kata sepakat untuk mendapat kemerdekaan akhirnya seramai 10 orang wakil yang di terajui oleh Tunku Abdul Rahman sendiri pada 1 Januari 1956 dan pada tahun 13 Januari 1956 Tunku telah berjaya menjakkan kakinya ke bumi London. Ini kerana sembahyang hajat dan membaca yasin sentiasa menjadi amalan ahli-ahli UMNO sejak Tunku berangkat pada 1 Januari 1956.”

“Oooooo, macam tu ye atuk. Kuat sungguh ya atuk semangat Tunku Abdul Rahman ya, Semangat kental memperjuangkan kemerdekaan. Lepas tu apa

jadi atuk.? Rundingan tu berjaya ke atuk?.”

“Rundingan kemerdekaan berlangsung hampir tiga minggu iaitu pada 18 Januari hingga 8 Februari 1956. Masa rundingan itu banyak cadangan tidak di terima oleh pihak British, malah pihak British telah menetapkan beberapa cadangan bagi kepentingan mereka sendiri. Kerajaan British telah menyediakan ‘Memorandum of United Kingdom’ dimana meraka mencadangkan satu perjanjian pertahanan di buat bagi mengikat Tanah Melayu dalam satu perjanjian pertahanan dan ketenteraan British di Asia Tenggara.”

“Teruknya British ya atuk, macam tak bagi aje kita merdeka.”

“Pihak British takut dengan soal kerakyatan kerana sikap raja-raja Melayui dan orang Melayu yang menentang kelonggaran kerakyatan dan pengunaan jus soli sejak tahun 1952. Misi Tunku dan rombongannya tidak berkesan, pada 2 Februari 1956 pihak British telah membuat kenyataan dari Lancaster House tentang hasil rundingan dengan Rombongan Merdeka dan keputusan ini menampakan

keadaan yang positif kepada Tunku dan rombongan. Tunku dan rombongan kembali dari London setelah mendapat kejayaan dari rundingan itu dan diberi sambutan dengan meriah. Suruhanjaya Reid telah bermesyuarat sebanyak 118 kali antara bulan Jun hingga Oktober 1956 mengenai cadangan daripada parti politik, persatuan dan orang perseorangan dan pada 21 Ogos 1956 Cadangan Suruhanjaya Reid telah disebarluaskan kepada orang ramai namun orang melayu tidak menerima cadangan Suruhanjaya Reid. Walau-pun Tunku mengaku bahawa sebanyak 80 peratus kehendak UMNO dipenuhi oleh Suruhanjaya Reid namun Tunku meminta ahli-ahli UMNO supaya bersabar dan ber-

tolak ansur demi mendapat kemerdekaan.” Kata Pak Malik pada cucunya sambil menongkat basikalnya dan menurunkan cucunya itu.

“Atuk kesian ya Tunku, terpaksa meyakinkan orang melayu.”

“Memang cu, bagaimanapun parti-parti pembangkang Melayu tidak dapat menerima cadangan Suruhanjaya Reid dan Perikatan yang hanya akan melaksanakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan selepas 10 tahun kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman berusaha memujuk orang Melayu dan mengatakan bahawa pendidikan kebangsaan yang berteraskan Bahasa Melayu, Tanah Simpanan Melayu dan pendaulatan agama Islam sebagai agama Persekutuan dan



Negeri. Tunku mengesyorkan supaya orang Melayu bertenang dan bersabar, biarkanlah satu pihak sahaja yang bising. Kemudian Tunku dan rombongan kembali lagi ke London bagi membincangkan cadangan itu dan kembali ke tanah melayu pada 3 Jun 1957. Tunku terpaksa mengakui bahawa kemerdekaan yang dicapai tidak memuaskan, kerana penghapusan kerakyatan Komanwel, pengekalan pegawai pinjaman British dan pertahanan yang masih bergantung pada pihak British."Terang Pak Malik pada cucnya, sambil tangannya ligat mencangkul tanah.

"Atuk , susah juga ya kita nak merdeka. Banyak rintangan yang dihadapi. Danial kagum dengan semangat Tunku Abdul Rahman kerana terpaksa menyakinkan semua untuk mendapat kemerdekaan." Balas Danial sambil menolong atuknya.

"Memang cu, kerana semangatnya itu Tunku Abdul Rahman dia nugerahkan sebagai 'Bapa Kemerdekaan' Tanah air oleh semua ahli UMNO kerana jasa-jasa perjuangan dan pengorbanan yang telah ditunjukkan dan deberikan oleh beliau. Pada 3 Ogos 1957, Persidangan

raja-raja Melayu telah memilih Yang di-Pertuan Agong menggantikan Pesuruhjaya Tinggi British. Cucu nak tahu tak, pada 5 Ogos 1957 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah ditandatangani di antara wakil Ratu England dan Wales, Donald Charles Macgillivray dengan raja-raja Melayu. Melalui perjanjian itu maka lahirlah perlembagaan merdeka bagi Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957."

"Oooooo, macam itu ya atuk. Masa malam itu atuk ada tak?"

"Atuk ada pada malam tu. Atuk masih ingat lagi tepat pukul 12.00 tengah malam bendera Union Jack diturunkan perlahan-lahan mengikut gema bunyi jarum jam besar Pejabat Setiausaha Persekutuan dan bendera persekutuan Tanah Melayu dengan jalur merah putih dan kotak biru dengan bula bintang di tengah mendaki gagah menuju ke kemuncaknya. Sorak-sorai dan Petikan 'Merdeka' bergema dan berkumandang di udara memecah kesunyian malam kota Kuala Lumpur.

"Atuk mesti seronok kan. Apa perasaan atuk masa tu? "

"Perasaan atuk masa tu ,

tak dapat nak bayangkan. Gembira, dan yang paling penting kebebasan.

"Atuk sekarang baru danial tahu apa itu, kemerdekaan dan semangat kental yang ada pada Tunku Abdul Rahman."

"Betul tu cu, dan atuk harap danial dan yang lain-lain dapat mengerti apa itu sebuah kemerdekaan. Oklah cu, dah petang ni jom kita balik. Nanti bising pulak nenek kamu."

"Baiklah atuk."

Pak Malik dan cucunya, Ahmad Danial melangkah pulang ke rumah. Ahmad Danial kini baru mengerti apa yang dikatakan dengan seteguh keringat kemerdekaan yang ada pada Tunku Abdul Rahman dan sehingga sekarang setiap rakyat di Malaysia masih lagi mengenang jasa dan pengorbanan yang ada pada diri Tunku Abdul Rahman. Malah tidak salahlah beliau di gelar Bapa Kemerdekaan Tanah air.

....TAMAT....

Impak Pemerkasaan Dasar Industri Kreatif Negara Kepada Ekonomi Negara

Oleh : Nuruul Hidayah Mansor
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)
: Mohamad Shafie Ayub
Pensyarah ACIS, UiTM Cawangan Melaka



Industri kreatif mempunyai potensi besar dalam menjana pendapatan negara dan sewajarnya ia diberikan tumpuan oleh pelbagai pihak. Industri kreatif ialah industri-industri yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan, dan bakat yang mempunyai potensi menjana kekayaan serta penciptaan peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksplotasi harta

intelek. Industri kreatif juga dirujuk sebagai seni untuk ekonomi yang melibatkan individu-individu berbakat, pihak korporat dan seterusnya memberi implikasi kepada negara dari segi pendapatan dan imej negara.


Menurut kajian Zaharul Lailiddin (2013), limitasi data dan maklumat berkaitan industri kreatif memperlihatkan bahawa penambahbaikan Dasar Industri Negara perlu dilakukan bagi memartabatkan industri kreatif negara hingga ke peringkat global amnya. Begitu juga dengan kenyataan Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Dato' Saifuddin Abdullah (2020) bahawa Dasar Industri Kreatif Negara perlu ditambahbaik disamping pelaksanaan audit perlu dilakukan terhadap sebarang bentuk perbelanjaan memandangkan dana industri kreatif adalah terhad. Perancangan penambahbaikan dasar ini perlu dilihat sebagai satu strategi dan usaha yang positif kerana ia bukan sahaja akan mengangkat martabat seni kreatif negara tetapi turut memberikan impak besar kepada ekonomi negara.

Kemajuan teknologi dan dunia era

golbalisasi telah mengubah suasana perdagangan dan ekonomi global yang semakin kompetitif. Penelitian ekonomi mendapati industri kreatif turut sama menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui penawaran perkhidmatan dalam kategori Pengangkutan (Transport), Penyimpanan (storage) dan komunikasi (communication)(EPU,2020). Tambahan pula apabila pada tahun 2010 kerajaan mula memberi perhatian dan peruntukan dana dalam usaha mengangkat bidang animasi yang dilihat mempunyai prospek nilai pasaran yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu, penekanan terhadap industri multimedia kreatif dan hiburan dari sektor teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) juga telah disenarai sebagai satu daripada 12 sektor dalam Bidang Ekonomi Utama

Negara (NKEA) untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10).

Memandangkan isu global wabak Covid-19 yang melanda hampir keseluruhan negara, masyarakat kini banyak memberi tumpuan kepada aktiviti media, hiburan dan komunikasi. Hal ini membuka ruang yang luas kepada penggiat seni dan komunikasi untuk memperbanyakkan lagi hasil-hasil seni terkini. Secara tidak langsung telah memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak tempatan untuk memasarkan pelbagai hasil produk seni dan kreatif mereka. Memandangkan kebolehpasaran karya dan produk yang tinggi kini, elemen inovasi dalam karya dan hakcipta perlu di-pergiatkan. Justeru, sistem pendidikan dan penyelidikan turut memainkan



peranan dalam meningkatkan kesedaran, mencungkil bakat dan menghasilkan modal insan kreatif dan inovatif yang pintar, berkebolehan dan beretika. Kerajaan dengan usahasama kementerian pendidikan boleh berganding bahu untuk memperkasa sekolah-sekolah seni dan kebudayaan, menaiktaraf kurikulum dan program pengajian seni di institusi-institusi pengajian tinggi untuk memperluas kemahiran (multiskill) dalam kalangan penggiat seni termasuklah kemahiran keusahawanan dan penyelidikan pembangunan.

Pemerksaan Dasar Industri Kreatif Negara memberi impak yang besar dalam mencorak hala tuju industri kreatif negara disamping mengiktiraf dan melindungi hak harta intelek setiap karya dan produk industri tempatan termasuk industri kreatif, industri budaya, multimedia kreatif, seni budaya dan warisan budaya. Tambahan pula, penulis berpendapat usaha dalam menekankan elemen keagamaan, kerohanian, pengajaran dan etika dalam penghasilan serta pengkomersilan karya dan produk seni adalah satu indikator baru yang boleh disumbangkan di dalam penambahbaikan Dasar Industri Kreatif Negara. Ini kerana penerimaan terhadap karya dan produk yang berunsurkan pendidikan dan nilai moral tidak kurang hebatnya. Ia dikukuhkan lagi apabila kajian Hizral Tazzif (2015) mendapatkan masyarakat di Malaysia masih lagi ramai yang gemar menonton filem terbitan tempatan dan karya-karya tempatan ini dilihat mempunyai masa depan yang cerah sekiranya ditambahbaik dengan unsur pendidikan sebagai pengajaran. Harapan penulis agar lontaran idea ini di-

harap dapat memberikan dan mengembangkan lagi pelbagai potensi modal insan kreatif dan inovatif.

RUJUKAN

1. Economic Planning Unit, Prime Minister's Department. (2020). The Malaysian Economy in Figures 2020. Putrajaya: Economic Planning Unit. P. 7
2. Hizral Tazzif Hisham. (2015). Cabaran Industri Filem Melayu, Pandangan Penggiat Industri dan Penonton. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.
3. Jabatan Penerangan Malaysia (Mei, 2020). Dasar Industri Kreatif Negara Perlu Ditambah Baik oleh YB Dato' Saifuddin Abdullah. <https://www.penerangan.gov.my/japenv2/index.php/2020/05/29/dasar-industri-kreatif-negara-perlu-ditambah-baik/>. akses pada 6 Oktober 2020.
4. Nuruul Hidayah et. al (2019). Potential Of Islamic Films In The Development Of National Creative Industry. e-Journal of Media & Society. Volume 2(1) January 2019. www.ejoms.com.
5. Nuruul Hidayah Mansor, Mohamad Shafiei Ayubb & Abdul Qayuum Abdul Razak (2019). Development Prospects of National Creative Industry Through Islamic Films in Malaysia. Online Journal of Research in Islamic Studies Vol. 6, Special Issue (2019): 15-24. ISSN 2289-6821.
6. Zaharul Lailiddin Saidon (2013). Status Terkini Industri Kreatif Negara: Peluang & Cabaran. Kertas Kerja Pembentangan Seminar Hala Tuju Sekolah Seni Malaysia Tahun 2013, anjuran Bahagian Ko-Kurikulum & Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia.

Aktiviti ACISN9: Bengkel Classcraft Application

Oleh : Nurul Atikah Binti Poniran
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)
: Athira Ayuni Binti Asmadi
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)

Laman sesawang Classcraft Application: <https://www.classcraft.com>

Classcraft Application ialah salah satu alat bantuan pengajaran dan pembelajaran yang dikategorikan sebagai game based learning application. Aplikasi ini dibangunkan bagi menggabungkan kaedah pedagogi yang dimodenkan iaitu dalam bentuk permainan interaktif bertujuan untuk menarik minat pelajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Aplikasi ini juga adalah pembelajaran atas talian yang menggunakan teknologi terkini, permainan dan kuliah yang relevan dengan keadaan semasa pelajar masa kini yang memerlukan pembelajaran di atas talian. Oleh itu, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan mengambil inisiatif ini

untuk mengembangkan lagi gaya dan cara pengajaran ilmiah yang lebih kreatif dan santai kepada pelajar khususnya.

Bengkel Classcraft Application anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari telah diadakan pada tarikh 29 dan 30 September 2020 di Makmal Komputer 2 Aras 6 di UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah bagi memberi galakan, pendedahan dan pemurnian kod Kursus ACISN9 kepada para pensyarah dalam membantu menjalankan pengajaran dan pembelajaran atas talian semasa semester “Online Distance Learning (ODL)” berlangsung. Bengkel ini juga telah dilaksanakan dalam kalangan pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan

Negeri Sembilan yang disampaikan oleh Ustazah Athira Ayuni binti Asmadi Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Objektif bengkel “Classcraft Application Dan Pemurnian ODL Kod ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan” ini dilaksanakan adalah untuk :

1. Memberi nilai tambah dalam kalangan pensyarah ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan dalam usaha meningkatkan pengetahuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar.
2. Meningkatkan pengalaman pensyarah dengan menguasai pembelajaran atas talian dengan menggunakan classcraft Application sebagai medium penengajaran dan pembelajaran
3. Memupuk nilai tanggungjawab dan amanah dalam menjalankan tanggungja-

wab sebagai pensyarah

Para pensyarah ACIS digalakkan menggunakan aplikasi berbentuk gamifikasi bagi menarik minat para pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di atas talian berlangsung. Malahan, bagi pelajar dengan menggunakan aplikasi ini dapat meningkatkan kemahiran insaniah dan motivasi kepada mereka seperti semangat setiakawan, bantu membantu di antara satu sama lain dan sebagainya.

Natijahnya, bengkel Classcraft application berjalan lancar dan para pensyarah ACIS berjaya melaksanakan beberapa kod kursus sebagai gamifikasi sepanjang bengkel berlangsung. Hal ini menunjukkan, bengkel Classcraft ini memberikan kesan positif terhadap pengajaran para pensyarah ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Berikut adalah gambar sepanjang program Classcraft Application berlangsung:



Sebahagian pensyarah ACISN9 yang menghadiri bengkel Classcraft Application

Potensi Aplikasi Blockchain Dalam Pengurusan Zakat

Oleh : Nur Syahirah Binti Mohd Noh
(Pensyarah ACIS,UiTM Kampus Kuala Pilah)

Islam adalah agama yang syumul yang mementingkan nilai-nilai murni seperti saling membantu dan kerjasama. Zakat adalah salah satu elemen dalam Islam yang menggalakkan umatnya membantu antara satu sama lain. Perkataan zakat berasal daripada zakaa yang bermakna suci bersih (Mustafa Bugha, 1997). Allah berfirman dalam Surah Al-Syams, ayat 9 yang bermaksud: "Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa".

Mensucikan jiwa yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah mensucikan diri daripada akhlak yang buruk, kemudian perkataan zakat digunakan dalam istilah syariah sebagai penyucian harta yang wajib ditunaikan oleh umat Islam yang berkemampuan. Rasullullah bersabda, "terbina Islam atas lima perkara: mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji" (Riwayat Bukhari & Muslim).

Institusi zakat pula dilihat sebagai satu institusi rasmi yang menguruskan kewangan umat Islam. Institusi zakat yang sudah lama terbentuk masih lagi relevan pada masa kini terutamanya dalam konteks pembangunan ummah dan sebagai salah satu jalan penyelesaian kepada kepincangan dan jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin. Banyak kajian yang dilakukan telah membuktikan bahawa kutipan dan agihan zakat yang cekap dan efisien mampu mengurangkan kadar kemiskinan. Bank Negara Malaysia juga percaya sistem kewangan yang stabil mampu menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan antara cara untuk mencapai

matlamat ini ialah menggunakan teknologi secara efektif dan budaya kerja yang baik bagi meningkatkan produktiviti, kualiti dan ketelusan.

Maka, bagi menyahut seruan Bank Negara Malaysia agar menggunakan teknologi secara efektif, institusi zakat perlu sentiasa ke hadapan dan tidak ketinggalan dalam teknologi yang mampu meningkatkan kecekapan dan ketelusan institusi tersebut. Bermula pada tahun 2009, selepas matawang kripto diperkenalkan, teknologi blockchain mula dikenali sebagai platform yang digunakan oleh Bitcoin bagi menjalani perniagaan matawang (Manav Gupta). Selepas itu, blockchain mula mendapat perhatian dunia termasuk syarikat-syarikat gergasi dan penyelidikan tentang blockchain ini dimulakan bagi mengkaji fungsi blockchain selain daripada matawang kripto.

Tidak dapat dinafikan bahawa blockchain mampu memberi banyak manfaat kepada jabatan kerajaan dan firma perniagaan. Sejak tahun 2009, kajian tentang blockchain giat dijalankan dan setakat Februari 2018, sebanyak 20 syarikat gergasi telah melabur dan bercadang untuk mengaplikasi blockchain dalam perniagaan antaranya Microsoft telah mematen lebih 40 paten blockchain untuk syarikatnya dan Mastercard mematen hampir 30 paten blockchain dengan harapan mampu membuka peluang perdagangan yang baru menggunakan lejer teragih (distributed ledger).

Berdasarkan laporan daripada Deloitte University Press, blockchain adalah lejar digital yang boleh disaksikan dan dikendalikan oleh

semua peserta yang berada di dalam ekosistem blockchain itu. Manav Gupta menjelaskan blockchain mampu membina kepercayaan awam dengan lima ciri iaitu; (1) diedarkan dan mampan, (2) selamat, privasi dan tidak boleh dibatalkan, (3) telus dan boleh diaudit, (4) berasaskan persetujuan dan transaksi, (5) dirancang dan fleksibel. Miraz dan Ali (2018) berpendapat blockchain berpotensi untuk diperkasakan bukan sahaja di dalam matawang kripto malah ia juga boleh diaplikasi dalam pentadbiran seperti pengurusan aset, kesihatan dan juga kewangan. Blockchain juga boleh direalisasikan dalam perundangan, perbankan, perakaunan, media, harta tanah dan harta intelek.


Dalam masa yang sama, syarikat teknologi kewangan yang berpusat di Singapura, Finterra Pte Ltd. melancarkan Waqf Blockchain bagi tujuan memodenkan pengurusan dan pelaburan dalam sistem waqf. Menurut syarikat tersebut, dana wakaf seluruh dunia dianggarkan bernilai USD 1 trillion, namun gagal membantu perkembangan umat Islam. Oleh itu, mereka mengambil inisiatif untuk membuat inovasi menggunakan teknologi blockchain bagi menjadikan sistem wakaf lebih berdaya saing dan kompetitif.

Menurut akhbar Utusan Malaysia bertarikh 4 Jun 2014 menyatakan institusi zakat gagal untuk melaksanakan tugasnya dengan baik dan efisien bagi membendung masalah kemiskinan dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Hal ini menimbulkan keraguan pembayar zakat sehingga sebahagian daripada mereka memilih untuk membayar zakat secara terus kepada golongan asnaf. Terdapat kajian yang dijalankan pada tahun 2012 menyimpulkan bahawa populasi muslim di sesebuah negeri berkorelasi secara positif

dengan kutipan zakat negeri tersebut, namun, kutipan yang tinggi tidak membuktikan institusi zakat negeri tersebut cekap dalam pengurusannya. Masih banyak usaha dan perubahan yang perlu dilakukan untuk meningkatkan efisiensi institusi zakat negeri.

Kutipan zakat terutamanya zakat perniagaan masih belum optimum dan usaha keras masih perlu dilakukan untuk memaksimum kutipan zakat. Keberkesanan kutipan zakat dan pengagihan zakat amat bergantung pada pengurusan oleh institusi zakat. Namun begitu, aspek pengagihan zakat merupakan satu aspek yang sangat penting kerana ia menunjukkan bagaimana dana zakat dapat memberi impak kepada masyarakat dan negara dalam aspek pembasmian kemiskinan dan pembangunan ekonomi.

Teknologi blockchain adalah satu fenomena baru bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia. Kajian demi kajian sedang giat dijalankan terutamanya di negara-negara barat dan syarikat-syarikat gergasi di dunia telah menunjukkan minat untuk membuat pelaburan di dalam teknologi ini. Oleh itu, Malaysia sebagai negara Islam yang dipandang tinggi oleh dunia juga tidak seharusnya ketinggalan dalam mengejar dan mengaplikasikan teknologi ini. Teknologi blockchain ini mampu membawa transformasi di dalam pentadbiran kerajaan dan institusi kewangan terutamanya daripada aspek kecekapan dan keselamatan. Selaku institusi yang menguruskan kewangan umat Islam, institusi zakat haruslah menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan membina persepsi positif kepada pelanggan berlandaskan hukum syaria' dan dalam masa yang sama tidak ketinggalan dalam aspek teknologi.



Kisah Tauladan 1

Tidak Mendapat Ikan Tetapi Mendapat Syurga

Oleh : Hajah Makiah Tussaripah Binti Jamil
(Pensyarah Kanan ACIS,UiTM Kampus Seremban)

Pada zaman dahulu, ada dua orang nelayan, seorang mukmin dan seorang lagi kafir. Pada suatu hari, mereka turun ke laut untuk menangkap ikan. Semasa menebar jala, nelayan kafir itu menyebut nama TuhanYa. Hasil tangkapannya amat banyak. Berlainan pula dengan nelayan mukmin. Apabila dia menebar jalanya, dia menyebut nama Allah tetapi hasilnya tiada seekor ikan pun yang tersangkut pada jaringnya. Sehinggalah ke lewat senja, nelayan mukmin itu tidak berjaya mendapatkan walau seekor ikan pun manakala nelayan kafir pulang dengan membawa ikan yang sangat banyak.

Meskipun pulang dengan tangan kosong, namun nelayan itu tetap bersabar serta redha dengan apa yang Allah takdirkan kepadanya. Si nelayan kafir itu pula membawa pulang berbakul-bakul ikan dengan penuh perasaan bangga dan bongkok. Malaikat yang melihat keadaan nelayan mukmin itu berasa simpati lalu mengadu kepada Allah SWT.

Allah SWT memperlihatkan kepada malaikat tempat yang disediakan oleh-Nya untuk nelayan mukmin itu iaitu sebuah syurga yang indah. Berkata malaikat, "Demi Allah, sesungguhnya tidak memberi erti apa-apa pun penderitaan di dunia ini jika dia mendapat tempat di syurga Allah."

Setelah itu, Allah memperlihatkan tempat yang disediakan untuk nelayan kafir. Berkatalah malaikat, "Alangkah malangnya nasib si kafir. Sesungguhnya tidak berguna langsung apa yang dia dapat di dunia dulu sedangkan tempat kembalinya adalah neraka jahannam."

Tauladan yang boleh kita ambil daripada kisah ini ialah sesungguhnya Allah menjadikan kehidupan di dunia ini kepada semua umat manusia adalah sebagai tempat untuk diuji dan beramal soleh. Kehidupan yang benar dan kekal hanyalah di negeri akhirat kelak. Justeru, berimanlah kepada Allah dengan sebenar-benar iman yang sahih agar kelak segala amal ibadat akan diterima di sisi Allah. Janganlah mudah berputus asa dengan segala kesulitan yang terpaksa di lalui di negeri dunia ini kerana ia hanyalah bersifat sementara. Beramallah sebaiknya kerana Allah menilai usaha yang dilakukan oleh para hambaNya dan bukannya mempersoalkan apakah hasil yang berjaya diperolehi.

